

Hajat Manusia Kepada Pemimpin

(Disusun oleh: Ahmad Sonhadji Mohamad)

Manusia semenjak dilahirkan ke dunia adalah sangat-sangat berhajat kepada orang yang akan memberi pimpinan dalam segala kerjanya dan segala tindak tanduknya, kerana dengan adanya pimpinan dapat ia menempuh jalan yang membawa kepada kebaikan dan terjauh dari jalan yang membawa kepada kejahatan. Kalaulah seandainya manusia itu dibiarkan hidup tanpa pemimpin, nescaya banyaklah malapetaka dan bencana yang akan menimpa.

Semasa Kanak-kanak

Ambil sahajalah contoh misalnya; seorang kanak-kanak yang masih kecil, dia perlu kepada keluarga yang memimpinya, perlu kepada penjaga yang mengamati-mengamati tingkah lakunya dan perlu kepada pendidik yang memberikan arahan dan panduan hidupnya.

Kalaulah kanak-kanak itu dibiarkan hidup begitu sahaja hingga dewasa tanpa pemimpin, nescaya banyaklah perkakas rumah yang dirosakkannya, banyak barang-barang yang dibinasakannya, dan mungkin pula membawa diri kanak-kanak itu turut binasa.

Meningkat Remaja

Kemudian kalau kanak-kanak itu telah meningkat umur yang membolehkan bersekolah, dia perlu kepada guru yang akan mendidiknya di sekolah. Dan bila sampai pula kepada tingkatan umur yang membolehkan bekerja, bertambah lagi hajatnya kepada orang yang memberi tunjuk ajar, memberi arahan dan panduan di dalam pekerjaannya. Kerana dia masih lagi hijau

dalam segala pekerjaan dan belum mempunyai apa-apa pengalaman, sehingga ia tidak tahu baik atau buruk hasil kerjanya, sempurna atau sesia yang dilakukannya.

Begitulah seterusnya bila ia telah meningkat menjadi seorang pemuda atau pemudi yang sedang meningkat remaja, semakin perlu kepada pemimpin dan semakin berhajat kepada panduan.

Salah Sangka

Banyak pemuda atau pemudi yang tersalah sangka bila melihat dirinya telah dewasa tak perlu lagi dia dipimpin, tak perlu lagi dia diamati-diamati, tak perlu lagi dia diberi arahan dan tak perlu lagi dia diberi panduan.

Sangkaan yang salah ini ditambah pula dengan galakan yang diberikan oleh orang tuanya – baik disedari atau tidak disedari – iaitu sesetengah-sesetengah ibu bapa menyangka anaknya yang sudah dewasa itu tidak lagi perlu diberi pimpinan, tidak perlu diamati-diamati, tidak payah ditunjuk dan diajari dengan alasan konon anaknya telah pandai menjaga diri.

Pada umumnya ibu bapa tak mahu disalahkan tentang kecuaiannya dalam memberi pimpinan anaknya. Sebagaimana juga anak-anaknya tidak bersenang hati jika tingkah lakunya yang salah mendapat teguran. Walau bagaimanapun kesalahan itu lebih banyak dipikulkan kepada ibu bapa, dan baharu dia terlepas bila anaknya telah meningkat baligh atau dewasa.

Mengikut hukum dalam Islam, bila kanak-kanak telah baligh

dia sendiri yang akan menerima pahala dan dosa. Lain halnya jika belum baligh, maka orang tuanyalah yang menerima pahala dari kebaikan yang dilakukan oleh anaknya, dan akan menerima pula dosa dari kejahatan yang dilakukan oleh anaknya.

Namun demikian kesan pendidikan yang diberikan sebelum baligh itu akan mempengaruhi juga kepada kelakuan dan pekerti kanak-kanak itu selepas balighnya. Bererti jika didikan yang diberikan itu telah sempurna sebelum balighnya tidaklah orang tua nanti terbawa-bawa. Tetapi jika sebaliknya tak dapatlah ia hendak mengelakkan diri untuk mengatakan “saya tidak tahu apa-apa”.

Mesti Bertanya

Pemuda atau pemuda yang dikatakan tadi, dia mesti akan menempuh masa bekerja dan berusaha untuk mencari rezeki atau sara hidupnya. Dia akan mendapati kelak dihadapannya bermacam-macam soal yang tidak diketahuinya, sehingga ia tak dapat tidak mesti bertanya dan meminta fikiran kepada orang-orang yang mahir dan berpengalaman misalnya:

- (1) Dalam soal perniagaan, syarikat perusahaan, upah mengupah, sewa menyewa, peraturan membuat perjanjian, cara-cara peperangan, perdamaian, perkahwinan, perceraian, mengadakan hubungan antara sesebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain, dan lain-lain soal yang bersangkutan dengan pergaulan hidup.
- (2) Dan soal yang bersangkutan dengan ketuhanan, kekuasaan Tuhan tersebut dan sifat-sifatnya, undang-undang dan syariatnya, alam akhirat dan

Hari Pembalasan, dan lain-lain perkara yang yang berhubung dengan ibadah (pengabdian) dan iktikad (kepercayaan).

Kalaulah manusia yang dikatakan telah dewasa itu terbiar hidup tidak mendapat pimpinan, tidak mendapat pertunjuk dan tidak mempunyai panduan dalam kehidupannya sehari-hari, nescaya akan ditempuhnya jalan yang sesat dan salah. Kerana dia menganggap segala apa yang dilakukannya adalah benar, halal dan baik belaka. Dia akan menyangka semua perkara yang dapat memberikan keuntungan kepada dirinya, itulah yang baik dan benar. Dan apa jua yang mengandungi masalah untuk dirinya, itulah pula yang benar dan betul mengikut pendapatannya – walaupun misalnya perkara-perkara itu akan merugikan dan membahayakan orang lain – tidak menjadi soal kepadanya.

Masing-masing Bertindak Sesuka Hatinya

Kalaulah seorang penjual barang-barang mengurangi timbangan dan sesukatan semasa berjualan, si pembeli pula mengambil lebih dari barang-barang yang dibelinya, yang berhutang akan menanggung-nanggung atau mengelak tak mahu membayar hutangnya. Si pemberi piutang pula akan mengambil bayaran yang berlipat ganda dari pokok yang dipiutangkannya, si kuat menindas si lemah, si lemah membalas dendam kepada orang yang menganiayainya, si majikan memeras tenaga buruh dengan memberikan gaji yang sedikit kerja yang banyak, sebaliknya si buruh menuntut gaji yang tinggi kerja yang senang dan ringan, dan begitulah seterusnya tiap-tiap seseorang dari mereka bertindak sesuka hatinya dan masing-masing menganggap tindakannya itu benar, nescaya dunia ini akan penuh dengan ketegangan, pertentangan, perselisihan dan kekacauan.

Begitu pula dalam soal pengabdian dan kepercayaan. Kalau manusia dibiarkan hidup tanpa pemandu dalam soal tersebut nescaya dia akan tersesat dan bingung. Di sana ada orang yang memuja matahari, atau bulan atau bintang, atau dewa, atau benda, atau tumbuhan-tumbuhan dan sebagainya – masing-masing mengikut fikirannya dan pendapatnya, kerana masing-masing menganggap pendapatnyalah yang benar dan betul.

Siapakah Yang Memberi Pimpinan?

Tak ada yang dapat menolong menyelesaikan perselisihan pendapat antara orang-orang tersebut melainkan mestilah dengan pimpinan yang memberi panduan ke arah jalan yang mendatangkan kebaikan. Pemimpin itulah yang meletakkan undang-undang dan peraturan yang menjamin kebahagiaan hidup orang perseorangan, kumpulan masyarakat atau seluruh umat manusia umumnya.

Siapakah agaknya pemimpin tersebut? Dan siapakah yang dapat merangkakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sesuai dengan tempat, masa dan keadaan?

Adakah bangsa manusia dapat merangkakan undang-undang atau peraturan yang seperti itu?

Kalau misalnya manusia maka manusia itu kerap tersilap atau tersalah, dan selalu lemah fikirannya walaupun dia mempunyai pelajaran yang paling tinggi atau ilmu pengetahuan yang paling dalam.

Banyak didapati para sarjana, ahli hukum yang masyhur dan orang-orang yang cerdik pandai merangkakan sesuatu undang-undang untuk memimpin dan memandu manusia, tak lama kemudian didapati kekurangan-kekurangannya dan kecacatan-kecawatannya, sehingga perlu pula kemudian diperbaiki, diubah, dipinda,

ditambah dan dikurangi. Itulah menunjukkan akal manusia itu lemah, tak berdaya untuk merangkakan, membuat atau mencipta sesuatu undang-undang yang betul-betul sesuai untuk seluruh umat manusia, di segala tempat, di segala masa dan segala keadaan.

Tak ada dapat menciptakannya, melainkan yang satu jua iaitu “Tuhan” yang menjadikan alam ini. Dialah yang memberi pimpinan, Dialah yang memberi pertunjuk dan Dialah yang memberikan panduan hidup untuk seluruh umat manusia.

Cara Menyampaikan Pimpinan

Setelah kita ketahui perlunya manusia kepada pimpinan, dan siapakah dia sebenar-benarnya yang memberi pimpinan itu, maka ingin pula kita mengetahui, bagaimanakah caranya pimpinan itu sampai kepada manusia?

Sesungguhnya di antara bangsa manusia yang mendiami muka bumi ini, ada di antara mereka yang dipilih oleh Tuhan untuk menjadi utusan-Nya, mengikut peredaran masa yang dikehendaki-Nya, seorang demi seorang diutus mengikut perkembangan umat manusia yang memerlukannya. Kerana pimpinan itu adalah berguna bila datang pada masa yang sesuai dengan hajat yang diperlukan umat manusia.

Tugas Utusan Tuhan

- (1) Memberi penerangan kepada manusia cara-cara hidup yang baik dan menunjukkan berbagai-bagai sifat keutamaan yang perlu dimiliki oleh manusia supaya mereka menjadi baik. Juga mengingatkan agar menjauhi cara-cara

hidup yang buruk dan membenci segala macam sifat yang terkeji. Semuanya itu ditunjukkan oleh para utusan tersebut secara lisan dan secara amalan, sehingga dapat dijadikan contoh dan tauladan.

- (2) Mengajar mereka bagaimana mestinya mengenal Tuhan, iaitu Tuhan yang menjadikan langit dan bumi serta segala isinya. Juga menyuruh agar mereka berbakti, mengabdikan diri dan menumpukan taat setia yang setulus-setulusnya kepada-Nya.
- (3) Memberitahu tentang adanya syurga, iaitu tempat kenikmatan yang menjadi upah atau balasan kepada hamba-hamba yang baik lagi taat kepada Tuhannya. Juga peberitahukan¹ tentang neraka, iaitu tempat penyeksaan yang menjadi upah atau balasan kepada orang-orang yang berbuat maksiat dan derhaka. Begitu pula mereka memberitahukan segala sesuatu yang bersangkutan dengan alam akhirat, iaitu alam yang tak sampai akal manusia memikirkannya. Sememangnya akal manusia itu banyak kelemahannya. Sedangkan untuk memikirkan dan memahami segala sesuatu yang berkaitan dengan alam dunia ini sahaja telah pun lemah, inikan pula untuk memikir dan memahami sesuatu yang berkaitan dengan alam akhirat.

Itulah dia tugas-tugas utusan Tuhan yang disampaikanNya kepada manusia, sehingga manusia itu kemudiannya mendapat pimpinan, pertunjuk dan panduan.

Tuhan sengahaja memilih utusan-Nya dari bangsa manusia – bukan dari bangsa malaikat – kerana manusia jualah yang dapat menyesuaikan dirinya bergaul sesama manusia.

Utusan-utusan tersebut telah diutus dalam berbagai-bagai zaman, dengan membawakan syariat dan peraturan hidup yang selaras dengan zamannya. Kalauh para utusan yang menyampaikan pimpinan Tuhan itu tak ada, nescaya manusia akan terbiar dan akan melakukan sesuka hatinya, akhirnya bala dan bencana akan datang menimpa:

Tetapi syukurlah dengan kurnia Tuhan yang bersifat kasihan terhadap hamba-hamba-Nya, diutus-Nyalah para utusan tersebut membawakan syariat dan peraturan hidup untuk faedah manusia – setingkat demi setingkat – akhirnya disudahi dengan satu syariat yang tetap tidak akan berubah-ubah lagi.

Kalaulah seandainya seluruh umat manusia bersedia mengikuti syariat Tuhan yang merupakan pimpinannya itu, nescaya hilanglah segala pertentangan dan perselisihan antara mereka sesama mereka, dan berakhir dengan hidup berbahagia penuh diliputi oleh rasa persaudaraan.

Sekarang marilah kita perkatakan pula, apakah sifat-sifat yang dipunyai oleh seorang utusan Tuhan?

Sifat-sifat Dipunyai Oleh Utusan Tuhan

Utusan itu ialah manusia jua, dan dia diutus ke berbagai-bagai kumpulan manusia, sedang kumpulan manusia itu ada yang pandai ada yang bodoh ada yang bijak dan ada pula yang bebal, ada yang suka kepada kebenaran dan ada pula yang degil dan ingkar tak mahu memperdulikan.

¹ pemberitahuan

Jadi untuk menghadapi kumpulan manusia yang demikian keadaannya, perlulah utusan itu dilengkapi dengan sifat yang terpuji lagi mulia untuk menolong dirinya dalam menjalankan tugasnya. Dan sifat-sifat tersebut terkumpul pada dirinya yang payah orang lain hendak menyainya.

Adapun sifat-sifat yang mesti dipunyai oleh utusan Tuhan itu ialah:

(1) **Kejujuran**

Adalah menjadi perkara yang mustahil sekiranya seorang utusan bersifat dusta, kerana Tuhan telah pun memberikan kepadanya berbagai tanda yang luar biasa (mukjizat) yang membuktikan kebenarannya sebagai seorang utusan. Tuhan tidak akan melantik seorang yang pendusta menjadi utusan-Nya. Kerana misalnya utusan itu pendusta, mengapa Tuhan melarang manusia berdusta – pada hal Tuhan menyuruh manusia mengikuti perjalanan utusan – sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Hashr ayat 7 berbunyi:

Wa mā ātākumu al-rasūlu fa khudhūhu wa mā nahākum ‘anhu fantahū. Ertinya: “Apa yang dibawakan oleh rasul (utusan Allah) kepada kamu hendaklah kamu ambil (ikutilah), dan apa yang ditegah olehmu hentikanlah (tinggalkanlah).

(2) **Kepercayaan**

Adalah kepercayaan itu merupakan sifat keutamaan yang diperlukan misalnya; dalam perkara memelihara rahsia, memelihara hak-hak manusia, menjalankan tugas mengikut yang dikehendaki Tuhan dan lain-lain perkara yang dapat menghindarkan diri dari melakukan sesuatu yang haram dan keji. Kalaulah misalnya utusan itu tidak mempunyai sifat kepercayaan bererti dia telah berkhianat terhadap

tugasnya di dalam menyampaikan syariat Tuhan. Ini bererti akan merosakkan perjalanan hukum-hukum yang diterimanya dari Tuhannya. Dan dengan demikian akan hilanglah tujuan perlantikan dirinya sebagai seorang utusan yang membawa pimpinan terhadap umat manusia yang dipandunya. Tuhan tidak menyukai orang yang menjadi perosak dan tidak mahu melantik orang yang menjadi pengkhianat. Maka jelaslah sudah bahawa utusan Tuhan itu adalah terdiri daripada orang yang benar-benar dipercayai dan jauh sekali dari berkhianat.

(3) **Kecerdikan**

Setiap utusan adalah cerdik orangnya, lekas memahami berbagai-bagai soal, dan cekap untuk bertindak semasa menghadapi sesuatu perkara dengan menggunakan akal yang sempurna lagi bijaksana. Dengan kecerdikannya itu pula dia sanggup memberi kepuasan hati kepada orang-orang yang diserunya, dan menghilangkan segala apa yang diragukan mereka. Maka adalah menjadi suatu perkara yang mustahil sekiranya utusan itu berkeadaan bodoh, bebal dan jahil. Tetapi menjadi kemestian utusan itu seorang yang cerdik, pandai lagi bijaksana.

(4) **Menyampaikan Penerangan**

Tugas seorang utusan ialah menyampaikan penerangan, pengajaran, panduan dan pimpinan daripada Tuhan untuk disampaikan kepada manusia yang berupa syariat dan hukum-hukum atau undang-undang bagi kegunaan dan kepentingan hidup seluruh manusia. Sifat yang keempat inilah yang terpenting dipunyai oleh seorang utusan. Kalau sifat menyampaikan penerangan ini tidak dipunyai seseorang utusan,

tidaklah ada faedahnya Tuhan melantik utusan. Menyampaikan penerangan ini memerlukan kepada ke tiga-tiga sifat yang terdahulu, iaitu perlu kepada kejujuran, perlu kepada kepercayaan dan perlu kepada kecerdikan. Tak mudah penerangan diterima orang jika disampaikan oleh orang yang sifatnya pendusta, pengkhianat dan jahil.

Kesimpulan

Jadi kesimpulan dari sifat-sifat yang mesti dipunyai oleh seorang utusan yang bertugas untuk menyampaikan pimpinan Tuhan, ialah lengkap dengan sifat-sifat keutamaan, akhlak yang baik dan budi pekerti yang mulia. Tak ada cacat kelakuannya dan tak ada mempunyai sifat yang menyebabkan orang lari atau benci kepadanya. Kerana dia adalah terpelihara daripada sifat-sifat yang tercela.

Disamping itu dia adalah manusia, hidup dengan makan dan minum seperti kita. Kadang-kadang susah dan menderita, merasakan lapar dan haus, merasakan sakit dan pening, mengalami kesempitan dan kepapaan dan berbagai-bagai keadaan yang dirasakannya seperti manusia yang lain. Hanya bezanya utusan itu adalah terkawal daripada melakukan pekerjaan-pekerjaan yang cemar dan keji.



Bacalah!

Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita

yang indah dan menarik, buah qalam

Jurji Zaydan, pengarang Mesir

yang terkenal.

Ikutlah bagaimana angkatan

tentera Islam yang dipimpin oleh

pahlawan Islam yang masyhur –

Tāriq Bin Ziyād, menggempur tentera

Sepanyol dan menghancurkan

pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan

dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan

berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa delapan

qurun.

(Naskhah Rumi: sebuah \$3.00)

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam

356/8 Geylang Road Singapura 14.